

Dua pensyarah wanita UM terima anugerah pertukaran pendidikan antarabangsa

Oleh Saadiah Ismail - Mac 8, 2024 @ 6:17pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim (tengah) sambil diperhatikan oleh Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh (kiri) dan Naib Canselor Universiti Malaysia (UM), Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman (tiga kiri) melakukan gimik perasmian pada majlis perasmian Hari Wanita Sedunia anjuran Universiti Malaysia di Za'ba Memorial Library, Universiti Malaysia.
- Foto NSTP/ASWADI ALIAS

KUALA LUMPUR: Dua pensyarah wanita daripada Universiti Malaysia (UM) terpilih menerima Anugerah Cendekiawan Pelawat Fulbright Malaysia 2024-2025 iaitu satu program pertukaran pendidikan antarabangsa berprestij yang ditaja oleh Kerajaan Amerika Syarikat (AS).

Dua pensyarah wanita itu ialah Profesor Madya Dr Reena Rajasuriar dari Fakulti Perubatan dan Profesor Dr Siti Nursheena Mohd Zain dari Fakulti Sains.

Kedua-dua mereka dipilih berdasarkan merit akademik dan kecemerlangan dalam potensi kepemimpinan.

Naib Canselor UM, Datuk Seri Ir Dr Noor Azuan Abu Osman, berkata pemberian anugerah itu dilihat sebagai satu penghormatan kepada kedua-dua pensyarah berkenaan, bertepatan dengan Hari Wanita Sedunia 2024 yang disambut hari ini.

Katanya, anugerah yang diberikan oleh Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika (MACEE) itu bertujuan meningkatkan persefahaman di antara rakyat AS dan negara lain.

"Secara tidak langsung, program itu turut memberi peluang penting bagi dua pensyarah UM untuk terbabit dalam pertukaran pendidikan antarabangsa selain sebagai komitmen kepada pemimpin global yang akan memacu perubahan, menangani isu paling mendesak di dunia dan membentuk wacana antarabangsa melalui kuasa pendidikan dan penyelidikan.

"Ini kerana saya percaya bahawa pendidikan dan kesedaran adalah tonggak asas dalam memupuk keterangkuman dan memperkasakan wanita.

"Malah di UM sendiri, kami mempunyai kira-kira 53.6 peratus tenaga kerja yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan institusi ini," katanya ketika sambutan Hari Wanita 2024, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan merasmikan majlis berkenaan. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Beliau berkata, Dr Reena iaitu seorang penyelidik farmaseutikal akan bekerjasama dengan Columbia University, New York dalam kajian HIV bagi meningkatkan hasil klinikal bagi penghidap HIV di Malaysia.

Sementara Dr Siti Nursheena iaitu pakar parasit akan menyumbang kepada usaha global dalam memerangi Penyakit Tropika Terabai (NTD) di Institut Kesihatan Nasional, Washington.

"Kedua-dua sarjana ini membawa pengalaman dan kepakaran yang luas kepada projek masing-masing, menonjolkan komitmen UM terhadap kecemerlangan akademik dan kerjasama antarabangsa dalam menangani cabaran global," katanya.